

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

AKU303 - SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab ENAM soalan. Soalan dari Bahagian A adalah WAJIB. Pilih dan jawab LIMA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. Secara amnya sistem maklumat pengurusan yang dibangunkan sama ada pada peringkat individu, kumpulan kerja ataupun organisasi dapat memberikan faedah tertentu yang dikenali sebagai penambahan nilai. Bincangkan dua sahaja jenis penambahan nilai tersebut secara terperinci.

[25 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab LIMA soalan.

2. Bincangkan lima kategori penggunaan sistem maklumat pengurusan di peringkat organisasi.

[15 markah]

3. Namakan dan bincangkan ciri-ciri program yang digunakan untuk sistem maklumat persendirian.

[15 markah]

...2/-

4. Pembangunan sistem maklumat peribadi kebiasaannya menggunakan kitar hayat pembangunan sistem (SDLC) prototype. Bincangkan tahap-tahap yang perlu di dalam membangunkan sistem tersebut.
[15 markah]
5. Apakah cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi untuk membangunkan sistem maklumat organisasi atau enterprise?
[15 markah]
6. Bincangkan tiga jenis sistem pemerosesan multi-pengguna (multi-user processing). Juga bandingkan kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahannya.
[15 markah]
7. Bincangkan dan lakarkan jenis Topologi Rangkaian Kawasan Setempat (LAN Topology).
[15 markah]
8. Apakah perbezaan asas di antara sistem maklumat peribadi dan sistem maklumat kumpulan kerja?
[15 markah]
9. Manusia, sama seperti kerangka, merupakan komponen yang aktif di dalam sistem maklumat. Bincangkan peranan klasik manusia di dalam sistem maklumat dan tunjukkan perkaitan peranan ini di dalam sistem maklumat peribadi?
[15 markah]
10. Bincangkan jenis pengawalan ke atas pemerosesan sistem maklumat organisasi. Jenis pengalawan ini juga dikenali sebagai pengawalan EDP (Electronic Data Processing Controls).
[15 markah]

---ooo000ooo---